



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROGRAM PENAJAAN PELAJAR LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2017

-
1. Jabatan Perkhidmatan Awam mengucapkan tahniah kepada semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2016 yang telah berjaya mencapai keputusan yang cemerlang.

 2. Mulai tahun 2016, Kerajaan telah memperkenalkan **Model Baharu Penajaan** sebagai langkah memastikan negara mendapat pulangan dan manfaat yang optimum daripada pelaburan yang diperuntukkan. Justeru itu, program **penajaan JPA di bawah Model Baharu** memfokuskan kepada **empat (4)** teras utama iaitu:
 - a. Merit dan inklusiviti;
 - b. Fokus kepada golongan B40, M40 dan *Technical & Vocational Education and Training* (TVET);
 - c. Pembangunan Malaysia sebagai Hub Pendidikan; dan
 - d. Pulangan pelaburan Kerajaan

3. Sebagai makluman, **program Bursary Tahun 2016** telah dilaksanakan **secara one-off** oleh JPA sebagaimana diputuskan oleh Kerajaan. Ini bermakna pada **tahun 2017 program tersebut tidak lagi diteruskan dan dimansuhkan**.
4. Sejajar dengan keputusan Kerajaan bagi Model Baharu Penajaan JPA 2017, program penajaan yang masih **dikekalkan** pelaksanaannya adalah seperti berikut;
 - a. **Program Penajaan Nasional (PPN)**

Penajaan kepada 20 orang pelajar paling cemerlang lepasan SPM tahun 2016 berdasarkan kepada senarai Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk melanjutkan pelajaran ke **10 universiti terbaik dunia mengikut QS World University Ranking** mengikut bidang; dan
 - b. **Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ)**

Penajaan kepada 200 pelajar cemerlang untuk mengikuti **pengajian dalam bidang kejuruteraan**. Walau bagaimanapun, penajaan dalam bidang sains dan teknologi (S&T) dan sains sosial ke negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman boleh dipertimbangkan dan tertakluk kepada keputusan Kerajaan.
5. Memandangkan Program Busary telah dimansuhkan pada tahun 2017 dan mengambil kira pencapaian pelajar yang cemerlang maka JPA telah memperkenalkan **Program Penajaan 9A+**. Berikutnya dengan pertanyaan oleh beberapa pihak mengenai

program penajaan ini, adalah dijelaskan bahawa **semua pelajar yang mencapai keputusan sekurang-kurangnya 9A+ boleh memohon untuk dipertimbangkan**. Pelajar yang layak akan ditaja di peringkat persediaan hingga ke ijazah pertama dalam bidang-bidang yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan di **Universiti Awam (UA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara**.

6. Pelajar lepasan SPM 2016 yang berminat memohon program-program penajaan yang ditawarkan oleh JPA, boleh melayari portal rasmi JPA di pautan www.jpa.gov.my atau <https://esilav2.jpa.gov.my> . Jika ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai program tajaan atau masalah teknikal, pihak JPA turut menyediakan talian khas (*hotline*) untuk dihubungi melalui talian **03-8885 3049** pada setiap hari bekerja (8:30 pagi - 5:30 petang) bermula pada 16 Mac 2017 hingga 5 Mei 2017.

###

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
Putrajaya**

Tarikh : 19 Mac 2017
No. Ruj. : JPA.PK231/9/1 Klt.4 (15)